**SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)**
**PARLIMEN MALAYSIA**

---

**KENYATAAN RASMI**
**PERINGATAN PEMATUHAN PRINSIP *NON-PARTISAN* DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA**
**PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy) 2026**

1. Sekretariat Parlimen Belia Malaysia (PBMy) ingin mengingatkan semua parti, calon dan ahli yang terlibat dalam Pilihan Raya PBMy 2026 agar sentiasa menghormati dan mematuhi prinsip *non-partisan* yang menjadi asas kepada pelaksanaan PBMy.

2. Sehubungan itu, semua parti hendaklah memastikan bahawa sebarang aktiviti, bahan atau kenyataan kempen tidak mengaitkan PBMy dengan mana-mana parti politik sebenar di Malaysia, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ketetapan ini turut merangkumi penggunaan atau pengaitan nama, logo, identiti, slogan, simbol serta unsur kepartian yang boleh menimbulkan persepsi bahawa PBMy mempunyai hubungan, kecenderungan atau afiliasi dengan mana-mana parti politik sebenar.

3. PBMy merupakan platform penyertaan dan pembangunan kepimpinan belia yang bersifat *non-partisan* serta tidak bersekutu dengan mana-mana parti politik sebenar. Sehubungan itu, semua parti dan calon yang bertanding hendaklah memastikan kempen dilaksanakan secara bebas, profesional dan selaras dengan prinsip serta objektif PBMy, tanpa membawa masuk pengaruh atau ideologi parti politik sebenar ke dalam platform ini.

4. Justeru, semua parti dan calon hendaklah memastikan kempen dilaksanakan berdasarkan identiti, manifesto dan kekuatan parti masing-masing dalam PBMy, tanpa menggunakan platform ini sebagai medium untuk mempromosikan kepentingan atau pengaruh mana-mana parti politik sebenar di Malaysia.

5. Sebarang pelanggaran terhadap ketetapan ini boleh menyebabkan tindakan diambil terhadap pihak yang terlibat, tertakluk kepada peraturan dan tatacara yang berkuat kuasa.

6. Sekretariat PBMy menyeru semua parti, calon dan ahli agar bersama-sama memelihara prinsip *non-partisan*, mengamalkan etika kempen yang bertanggungjawab serta menjadikan Pilihan Raya PBMy 2026 sebagai medan pembelajaran demokrasi yang matang, adil dan berintegriti.

**SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)**
**PARLIMEN MALAYSIA**
**20 Oktober 2026**